

NAMA: _____

TING: _____

LOGO SEKOLAH

SMK _____

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026

SEJARAH

1249/1

KERTAS 1

Julai

1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B,C dan D**. Bagi setiap soalan , pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 19 halaman bercetak.

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri negara bangsa yang wujud dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Raja merupakan pemerintah tertinggi dan dibantu oleh pembesar

Apakah ciri negara bangsa tersebut?

- A Kerajaan
 - B Kedaulatan
 - C Undang-undang
 - D Wilayah pengaruh
- 2 Tokoh berikut telah menghasilkan karya berjudul *Habis Gelap Terbitlah Terang*.



Raden Adjeng Kartini

Apakah kandungan karya tersebut?

- A Menubuhkan parti radikal.
- B Menyebarkan idea revolusi.
- C Mempertahankan golongan elit.
- D Mengisahkan kemunduran peribumi.

 SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- 3 Bagaimanakah tokoh berikut membangkitkan kesedaran nasionalisme di negara kita sejak awal abad ke-20?

- Ibrahim Haji Yaakob
- Ishak Haji Muhammad
- Ahmad Boestamam

- A Menubuhkan pertubuhan sosioekonomi
- B Menghalang pengaruh golongan imigran
- C Menghasilkan penulisan karya kreatif
- D Mengasaskan dana gerakan revolusi

- 4 Maklumat berikut merupakan puisi yang terhasil di negara kita pada awal abad ke-20.

- “Angan-angan dengan Gurindam”
- “Sedarlah”
- “Semenanjung”

Apakah kesan puisi tersebut?

- A Menyekat pengaruh komunis
- B Mengurangkan pengaruh radikal
- C Meniupkan semangat cinta negara
- D Memperjuangkan kepentingan politik




SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan sekatan ekonomi terhadap Jepun.

Amerika Syarikat, British dan Belanda mengenakan sekatan ekonomi untuk menghalang Jepun daripada memperoleh bahan mentah untuk industri dan operasi perang.

Bagaimanakah Jepun menangani sekatan ekonomi tersebut?

- A Menguasai Asia Tenggara
 - B Menyerang pihak Bersekutu
 - C Memulihkan sistem monarki
 - D Mencampuri pentadbiran Asia
- 6 Tokoh berikut telah melakukan kegiatan anti-Jepun secara individu.



Lion of Malaya

Bagaimanakah beliau melakukan penentangan tersebut?

- A Memberikan bantuan ubat-ubatan
- B Menyebar risalah dan propaganda
- C Membantu mangsa perang di Asia
- D Menyembunyikan radio Malaya

- 7 Maklumat berikut berkaitan proses penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.

Gerard T. MacBryan pulang ke England bersama-sama dengan dokumen yang ditandatangani oleh ketua tempatan Sarawak. Vyner Brooke bersetuju menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.

Mengapakah rakyat Sarawak menentang penyerahan tersebut?

- I Mengurangkan kuasa raja Melayu
 - II Mengukuhkan sistem pertahanan
 - III Tanpa pengetahuan rakyat Sarawak
 - IV Menggunakan pelbagai muslihat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan faktor penyerahan Sabah kepada kerajaan British.

Sebelum meninggalkan Sabah, tentera Jepun telah memusnahkan Jesselton, Kudat dan Sandakan.

Mengapakah SBUB menyerahkan Sabah kepada British?

- A Masalah kewangan
- B Dasar tentera Jepun
- C Konsep imperialisme
- D Diugut oleh gabenor

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan pentadbiran di Tanah Melayu.



Mengapakah berlaku perubahan tersebut?

- A Desakan Parti Kebangsaan Melayu Malaya
 - B Cadangan Raja-Raja Melayu dan UMNO
 - C Cadangan gabungan PUTERA-AMCJA
 - D Tuntutan pelabur asing di Tanah Melayu
- 10 Pada 1 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan secara rasmi setelah Raja-Raja Melayu menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Apakah kesan penubuhan tersebut?

- I Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu
 - II Mengembalikan kestabilan dan keamanan
 - III Mengenakan syarat kewarganegaraan yang ketat
 - IV Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

11 Bagaimanakah Perang Saraf dapat membanteras ancaman komunis di Tanah Melayu?

- A Meraih kepercayaan rakyat
- B Melaksanakan rundingan damai
- C Melonggarkan perintah berkurung
- D Memberikan tawaran pengampunan

12 Zaman darurat yang berlangsung selama 12 tahun di negara kita telah meninggalkan pelbagai kesan.

Apakah kesan zaman darurat dari aspek sosioekonomi?

- A Meningkatkan jurang pendapatan
- B Merenggangkan hubungan kaum
- C Mengurangkan kos perbelanjaan
- D Menyekat pengaruh parti politik

13 Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 menjadi asas pembentukan sistem pendidikan kebangsaan.

Mengapakah penyata tersebut penting?

- A Memperkukuh pendidikan vernakular
- B Membezakan kandungan kurikulum
- C Melahirkan golongan pemimpin moden
- D Memupuk perpaduan dan identiti negara



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

14 Maklumat berikut berkaitan dengan pembentukan Parti Perikatan.

- UMNO
- MIC
- MCA

Apakah kepentingan pembentukan parti tersebut?

- A Memperkuat parti radikal
 - B Mewujudkan jurang politik
 - C Membuktikan kerjasama kaum
 - D Menentukan ketua kerajaan negeri
- 15 Mengapakah Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan diwujudkan?
- A Memilih pemimpin berwibawa
 - B Menentukan perlembagaan
 - C Memberi khidmat nasihat
 - D Mengadakan pilihan raya
- 16 Mengapakah pertambahan ahli Majlis Perundangan Persekutuan 1955 penting?
- A Mengkaji pandangan semua penduduk
 - B Mengekalkan kuasa pemerintahan asal
 - C Membuktikan kejayaan amalan demokrasi
 - D Merangka Perlembagaan Persekutuan baharu

17 Apakah Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan?


- I Meminda aturan perlembagaan
 - II Membentuk satu badan perundangan
 - III Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat
 - IV Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

18 Draf Perlembagaan Persekutuan menerima reaksi PAS sebelum dikuatkuasakan pada 31 Ogos 1957.

Apakah reaksi tersebut?


- A Menolak pembentukan persekutuan
- B Mengkritik soal kewarganegaraan
- C Menggugat kedaulatan negara
- D Menerima kerakyatan *jus soli*

- 19 Gambar berikut berkaitan perletakan batu asas Stadium Merdeka sebagai persiapan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.



Mengapakah pembinaan stadium ini penting?

- A Melambangkan kekayaan
 - B Menyaksikan acara sukan
 - C Menonjolkan identiti negara
 - D Menjadikan pusat pentadbiran
- 20 Rajah berikut menunjukkan ketua bagi negeri berdaulat dalam Persekutuan Tanah Melayu.



Apakah X?

- A Menteri Besar
- B Ketua Menteri
- C Yang Dipertua Negeri
- D Yang di-Pertuan Agong

21 Maklumat berikut berkaitan ciri negara yang berdaulat di negara kita.

Pemerintahan	Menjaga kestabilan politik dan ekonomi
	Dijalankan secara teratur
	X

Apakah X?

- A Memudahkan urusan pemerintahan
- B Mengamalkan Raja Berperlembagaan
- C Menjamin keadilan dan melindungi rakyat
- D Menentukan sistem perundangan negara kita

22 Mengapakah pemimpin perlu mengelakkan amalan rasuah dalam pentadbiran?

- I Menyokong dasar kerajaan
 - II Membentuk perpaduan kaum
 - III Menjana kemakmuran ekonomi
 - IV Menjamin kestabilan politik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV




SERTAI TELEGRAM @exercise_students

[Lihat halaman sebelah

- 23 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan?
- A Sistem persekutuan yang kuat
 - B Kewarganegaraan yang sama
 - C Pilihan raya asas demokrasi
 - D Kedudukan orang Melayu
- 24 Apakah kesan pindaan perlembagaan pada 7 Ogos 1965?
- A Perubahan Struktur Mahkamah Atasan
 - B Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia
 - C Perkara berkaitan Singapura dimansuhkan
 - D Sarawak diketuai Yang di-Pertua Negeri
- 25 Apakah fungsi Majlis Raja-raja menurut Perlembagaan Persekutuan?
- A Melantik ahli Dewan Rakyat
 - B Mengusulkan Rang Undang-undang
 - C Menentukan dasar kewangan negara
 - D Memperkenan perubahan sempadan negeri

26 Teliti rajah di bawah.



Apakah X?

- A Keunikan amalan demokrasi berparlimen
- B Sistem pentadbiran bercorak autokratik
- C Pemusatan kuasa dalam pentadbiran
- D Penglibatan parti politik yang terhad

27 Apakah tujuan pembentukan konfederasi Negeri Sembilan 1895?

- A Memulihkan kepercayaan rakyat
- B Menambahkan kuasa Raja-raja Melayu
- C Menggabungkan negeri yang berdaulat
- D Mengagihkan kuasa Kerajaan Pusat

[Lihat halaman sebelah

28 Maklumat berikut berkaitan majlis yang ditubuhkan oleh kerajaan.

- Majlis Keselamatan Negara
- Majlis Perumahan Negara
- Majlis Air Negara

Apakah kebaikan majlis tersebut?

- A Menjamin sistem Persekutuan yang lebih cekap
 - B Memberikan kuasa mutlak kepada Kerajaan Persekutuan
 - C Mengurangkan kuasa Kerajaan Negeri dalam pentadbiran
 - D Menghapuskan pembahagian bidang kuasa antara kerajaan
- 29 Mengapakah penyertaan Sabah, Sarawak, dan Brunei ke dalam Malaysia dianggap penting?
- A Mendapatkan kemerdekaan berasingan
 - B Memeterai perjanjian antara sempadan
 - C Menjamin keseimbangan komposisi kaum
 - D Membendung penentangan parti radikal
- 30 Indonesia membuat bantahan rasmi pembentukan Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
- Apakah kesan peristiwa tersebut?
- A Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan semula
 - B Pembentukan Malaysia dibatalkan oleh PBB
 - C Rundingan Malaysia dengan British dihentikan
 - D Penangguhan tarikh pengisytiharan Malaysia

[Lihat halaman sebelah

31 Pemisahan Singapura daripada Malaysia tidak dapat dielakkan pada tahun 1965.

Apakah faktor pemisahan tersebut?

- I Menanamkan semangat kebencian komunis
 - II Menuntut hak sama rata bagi semua kaum
 - III Mengenakan kadar faedah yang tinggi
 - IV Mendapat undi tidak percaya dari menteri
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

32 Petikan akhbar berikut menunjukkan seruan Sultan Perak semasa peristiwa rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969.

*“Don’t let this happen in Perak”
plea by sultan*

Sumber: Arkib Negara Malaysia

Apakah seruan sultan di negeri-negeri lain tentang peristiwa tersebut?

- A Menulis surat bantahan ke London
- B Meminta rakyat patuh undang-undang
- C Menubuhkan Majlis Amanah Rakyat
- D Menyeru rakyat melakukan perubahan

- 35 Gambar berikut berkaitan tokoh yang memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) di negara kita.



Tun Abdul Razak Hussein

Apakah sumbangan tokoh ini dalam dasar tersebut?

- A Menggalakkan peranan sektor swasta
 - B Menyokong sektor perindustrian baharu
 - C Memupuk identiti kebangsaan semua kaum
 - D Membasmi kemiskinan masyarakat luar bandar
- 36 Maklumat berikut berkaitan strategi Dasar Pembangunan Nasional yang diperkenalkan pada 17 Jun 1991.

- Ekonomi
- Sosial
- Pembangunan Fizikal Alam Sekitar

Apakah matlamat strategi tersebut?

- A Menjadikan Malaysia bertaraf negara maju
- B Mengurangkan beban kewangan kerajaan
- C Memperjuangkan hak sama rata semua kaum
- D Menjamin kerjasama dan permuafakatan rakyat

[Lihat halaman sebelah

37 Maklumat berikut berkaitan agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • UNESCO • FAO • WHO • UNHCR |
|---|

Mengapakah Malaysia memberi komitmen dalam agensi tersebut?

- A Hidup bersama secara aman
- B Semangat toleransi antarabangsa
- C Syarat dalam persidangan APEC
- D Banteras pemerdagangan manusia

38 Maklumat berikut berkaitan sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Tahun	Pengerusi OIC
2003	Tun Abdullah Ahmad Badawi (Malaysia)

Apakah peranan Malaysia dalam kerjasama tersebut?

- A Membekal senjata nuklear
- B Menolak sifat keganasan
- C Menjadi jurubahasa sementara
- D Membantu belanja mengurus

[Lihat halaman sebelah

- 39 Malaysia memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi segi tiga melibatkan Riau dan Singapura (SIJORI).

Bagaimanakah SIJORI mendapatkan keuntungan bersama dalam kerjasama tersebut?

- A Memberi layanan yang saksama
 - B Mengurangkan kebergantungan asing
 - C Mengenakan sekatan tarif dan cukai
 - D Menaikkan kadar mata wang negara
- 40 Kerajaan Negeri Kedah mengisytiharkan Anugerah Langkawi bermula tahun 1991. Apakah kriteria penerima anugerah tersebut?
- A Penyalur dana kemanusiaan
 - B Penyelidik perubahan iklim
 - C Prihatin kepada mangsa perang
 - D Penyumbang kepada alam sekitar

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT